

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAZALI BIN IDRIS

TARIKH : 22 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 32

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kebenaran yang menjadikan Firefly sebagai syarikat penerbangan nasional baharu bagi menggantikan Malaysia Airlines Bhd akibat kegagalan kata sepakat dari pihak pembiutang, pemajak pesawat dan pembekal dalam industri berkaitan.

JAWAPAN:

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, menurut Malaysia Airlines Berhad (MAB), pada masa ini perbincangan dengan pihak pembiutang, pemajak pesawat dan pembekal masih berjalan dengan harapan agar kata sepakat dapat dicapai untuk membolehkan pihak MAB meneruskan operasi dengan struktur kos baharu yang lebih berdaya saing.
2. Dalam hubungan ini, MAB perlu turut mempertimbangkan alternatif lain untuk memenuhi keperluan pengangkutan udara negara sekiranya rundingan tersebut tidak dapat mencapai matlamat untuk memulihkan MAB.
3. Saya percaya semua opsyen akan dinilai dan dipertimbangkan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah). Salah satu alternatif adalah untuk Firefly mengambil alih operasi MAB bagi tujuan memenuhi kesalinghubungan (*connectivity*) yang diperlukan negara. Walau bagaimanapun, tiada lagi keputusan berkaitan perkara ini.
4. Sebarang pengumuman mengenai penstrukturan semula MAB akan dibuat sebaik sahaja ia dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.